AL-AZKIYAA
INTERNATIONAL JOURNAL OF LANGUAGE AND EDUCATION
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Kajian Tema dan Rema yang terdapat dalam Risalah Program Pendidikan Yayasan Sarawak

A Study of Theme and Rheme in the Yayasan Sarawak Education Programme Pamphlet

Anida Sarudin[1,*], Mohd Sufian Ismail[2]

[1]Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjung Malim, Perak

[2]Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh 31150 Hulu Kinta, Perak

*Corresponding Author; E-mail: anida@fbk.upsi.edu.my

Article Info

Article history:
Received: 30/03/2026
Accepted: 28/07/2026
Published: 30/10/2026

DOI: https://doi.org/10.33102/alazkiyaa180

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis struktur tema dan rema dalam risalah *Program dan Bantuan Pendidikan Yayasan Sarawak* dengan menggunakan Teori Linguistik Sistemik Fungsional Halliday (1994). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif melalui kaedah analisis dokumen terhadap satu teks rasmi institusi pendidikan tanpa melibatkan responden, soal selidik, atau temu bual. Data kajian terdiri daripada 18 klausa yang disaring daripada risalah tersebut menerusi prosedur pembacaan teliti, pemecahan ayat kepada unit klausa, dan penyaringan berdasarkan kriteria kehadiran proses ideasional yang dapat dikenal pasti atau dipulihkan daripada konteks. Setiap klausa dianalisis dengan memisahkan unsur tema dan rema sebelum diklasifikasikan mengikut jenis proses. Dapatan kajian menunjukkan dominasi proses lakuan (13 klausa) yang menzahirkan tindakan pentadbiran institusi menerusi kata kerja seperti *diberikan*, *dilulus* dan *dihantar*, manakala proses perihal (lima klausa) berfungsi menetapkan identiti dan kriteria penerima bantuan. Klausa eliptikal yang digugurkan kata kerjanya tetap dikira mempunyai makna proses lakuan kerana proses berkenaan dapat dipulihkan daripada konteks wacana dan temanya merupakan nominalisasi tindakan material. Struktur tema dan rema turut memperlihatkan strategi linguistik yang menegaskan autoriti institusi serta mengaburkan peranan pelaku menerusi pemilihan tema nominal abstrak dan binaan ayat pasif. Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa teks risalah bukan sekadar menyampaikan maklumat, tetapi berfungsi sebagai medium ideologi dan kuasa dalam konteks pendidikan.

© The Authors 2026. Published by Penerbit USIM. This is an open access article under the CC BY 4.0 license.

Kata Kunci: tema dan rema, linguistik sistemik fungsional, wacana pendidikan, ideologi, kuasa

ABSTRACT

This study analyses the Theme–Rheme structure in the Program dan Bantuan Pendidikan Yayasan Sarawak (Yayasan Sarawak Education Programmes and Assistance) pamphlet using Halliday's (1994) Systemic Functional Linguistics framework. A descriptive qualitative approach was employed through document analysis of a single official educational institutional text, without involving respondents, questionnaires, or interviews. The data comprise 18 clauses screened from the pamphlet through close reading, segmentation of sentences into clauses, and filtering based on the identifiability or contextual recoverability of ideational processes. Each clause was analysed by separating its Theme and Rheme before being classified according to process type. The findings reveal a predominance of material processes (13 clauses) realising institutional administrative actions through verbs such as diberikan ('given'), dilulus ('approved') and dihantar ('sent'), while relational processes (five clauses) establish the identity and eligibility criteria of aid recipients. Elliptical clauses with omitted verbs are still analysed as carrying material process meaning because the process is recoverable from the discourse context and their Themes are nominalisations of material actions. The Theme–Rheme structure further reveals linguistic strategies that reinforce institutional authority and obscure the role of agents through abstract nominal Themes and passive constructions. Overall, this study demonstrates that the pamphlet operates not merely as an informational text but as a vehicle of ideology and power within the educational context.

Keywords: *Theme and Rheme, Systemic Functional Linguistics, educational discourse, ideology, power*

PENGENALAN

Bahasa berperanan sebagai wahana utama dalam penyampaian maklumat, pembentukan makna, dan penyebaran ideologi dalam masyarakat. Dalam konteks institusi, bahasa tidak hanya berfungsi sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai mekanisme kuasa yang membentuk cara berfikir, memahami, dan bertindak dalam kalangan khalayak sasaran. Fairclough (2003) menegaskan bahawa bahasa harus difahami sebagai satu bentuk amalan sosial yang berkait rapat dengan struktur kuasa dan ideologi dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa dalam teks rasmi institusi sering dianggap neutral, sedangkan susunan linguistik yang digunakan berpotensi mempengaruhi fokus dan tafsiran pembaca secara tidak disedari. Selaras dengan pandangan tersebut, Halliday (1978) menjelaskan bahawa bahasa berfungsi sebagai sistem semiotik sosial yang maknanya tidak terhasil secara terasing, tetapi dibentuk melalui hubungan antara teks dengan konteks

penggunaannya. Kebergantungan makna terhadap konteks turut terserlah dalam kajian wacana bahasa Melayu, seperti yang ditunjukkan dalam sorotan literatur bersistematik oleh Ismail dan Sarudin (2023) yang merumuskan tafsiran partikel wacana "…lah" kepada tiga tema utama, iaitu pihak penutur, identiti sosial dan fungsi genre. Oleh itu, analisis terhadap teks rasmi institusi perlu mempertimbangkan cara struktur linguistik, pemilihan tema, dan penyusunan maklumat dimanfaatkan untuk menyampaikan mesej tertentu serta mengekalkan legitimasi pihak berautoriti. Namun, dalam kebanyakan analisis teks pendidikan, perhatian lebih diberikan kepada kandungan maklumat berbanding cara maklumat tersebut distrukturkan melalui bahasa. Keadaan ini menyebabkan dimensi ideologi dan kuasa dalam teks sering terlepas pandang, termasuk dalam penyampaian maklumat mengenai penawaran biasiswa, iaitu bantuan kewangan atau kontrak pendidikan yang diberikan kepada pelajar berkelayakan berdasarkan merit atau keperluan. Kepentingan biasiswa melangkaui aspek ekonomi dan berfungsi sebagai instrumen penting untuk merapatkan jurang sosioekonomi, memacu pembangunan modal insan, dan pada masa yang sama, mengukuhkan legitimasi institusi sebagai badan yang bertanggungjawab dalam memartabatkan taraf pendidikan rakyat. Salah satu contoh yang jelas ialah wacana bantuan pendidikan yang diedarkan oleh Yayasan Sarawak, iaitu sebuah organisasi yang dikenali sebagai Pemangkin Pembangunan Pendidikan di Sarawak.

Dalam analisis linguistik, konsep tema dan rema merupakan unsur penting yang membantu menjelaskan cara maklumat disusun dan disampaikan dalam sesuatu teks. Tema merujuk kepada unsur yang menjadi titik permulaan atau fokus awal dalam ayat, manakala rema ialah maklumat baharu atau huraian yang dikembangkan daripada tema tersebut (Halliday, 1994; Eggins, 2004). Hubungan antara tema dengan rema memainkan peranan utama dalam memastikan kesinambungan makna serta kefahaman pembaca terhadap teks. Halliday (1985, 1994) mengklasifikasikan struktur klausa dalam ayat kepada tiga dimensi metafungsi bahasa utama, iaitu Tema Ideasional yang menggambarkan kandungan atau realiti pengalaman, Tema Interpersonal yang mencerminkan peranan dan hubungan antara peserta wacana, serta Tema Tekstual yang bertanggungjawab dalam pengorganisasian teks agar maklumat disampaikan secara koheren. Analisis tema dan rema bukan sahaja meneliti struktur ayat secara tatabahasa, tetapi juga menekankan aspek fungsional bahasa dalam konteks penggunaan sebenar. Melalui pendekatan ini, penyelidik dapat mengenal pasti pola penyampaian idea, aliran maklumat, dan strategi penulisan yang digunakan oleh penutur atau penulis. Kajian terhadap tema dan rema sangat signifikan dalam memahami keberkesanan wacana bahasa Melayu, sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Dalam konteks tempatan, Abdul Jobar, Sarudin dan Radzi (2014) serta Abdul Jobar dan Sarudin (2016) telah membuktikan bahawa struktur tema dan rema berperanan penting dalam pembinaan teks karangan pelajar, manakala Mat Lazim dan Hassan (2019) meneliti struktur tematik dalam teks saintifik. Selain itu, tinjauan Muhammad Faizul Abd Hamid dan Muhammad Zaid Daud (2025) terhadap trend penggunaan data dalam bidang analisis wacana kritis di Malaysia mendapati

bahawa kajian wacana berbahasa Melayu masih kurang dihasilkan, sekali gus mewajarkan penerokaan data kajian baharu, khususnya teks rasmi institusi pendidikan. Namun, kajian yang meneliti analisis tema dan rema dalam teks rasmi pendidikan, khususnya yang melibatkan institusi kebajikan pendidikan di peringkat negeri seperti Yayasan Sarawak, masih terhad dan memerlukan penelitian yang lebih sistematik berdasarkan Teori Linguistik Sistemik Fungsional Halliday (1994). Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada proses dalam tema ideasional melalui tema dan rema yang terdapat dalam risalah "Program dan Bantuan Pendidikan Yayasan Sarawak" dengan menggunakan Teori Linguistik Sistemik Fungsional Halliday (1994).

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan menerusi pendekatan kualitatif yang bersifat deskriptif dengan memfokuskan analisis wacana terhadap data tekstual. Reka bentuk ini dipilih bagi membolehkan pengkaji melakukan penelitian empirikal secara mendalam terhadap penggunaan bahasa dalam risalah *Program dan Bantuan Pendidikan Yayasan Sarawak*. Secara spesifiknya, kajian ini mengaplikasikan kerangka Teori Linguistik Sistemik Fungsional Halliday (1994) untuk menganalisis struktur teks, khususnya daripada aspek tema dan rema bagi merungkai pola penyusunan maklumat yang tersirat. Data kajian terdiri daripada satu dokumen sahaja, iaitu risalah rasmi *Program dan Bantuan Pendidikan Yayasan Sarawak*, yang dipilih melalui persampelan bertujuan memandangkan risalah tersebut memainkan peranan penting sebagai medium rasmi institusi dalam menyampaikan dasar bantuan pendidikan serta membentuk persepsi masyarakat. Sehubungan dengan itu, kajian ini tidak melibatkan responden, instrumen soal selidik, mahupun temu bual; keseluruhan analisis tertumpu semata-mata pada data tekstual yang terkandung dalam risalah berkenaan. Pendekatan analisis teks terhadap dokumen pendidikan juga telah digunakan oleh Ismail et al. (2025) dalam menganalisis objektif pembelajaran Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Bahasa Melayu bagi menjana elemen utama penulisannya secara bersistematik.

Proses persampelan dan penyaringan teks dijalankan secara sistematik melalui empat peringkat, selaras dengan prosedur analisis teks bersistematik yang melibatkan proses mengenal pasti, mengumpul dan menafsir data (Ismail et al., 2024). Pada peringkat pertama, pembacaan teliti (*close reading*) dilakukan terhadap keseluruhan risalah untuk memahami konteks dan kandungan teks secara menyeluruh. Pada peringkat kedua, setiap ayat dalam risalah dikenal pasti dan dipecahkan kepada unit klausa memandangkan klausa merupakan unit asas penganalisisan makna dalam kerangka Linguistik Sistemik Fungsional (Halliday, 1994). Pada peringkat ketiga, klausa yang telah dipecahkan disaring berdasarkan dua kriteria, iaitu (i) klausa berkenaan mengandungi proses ideasional yang dapat dikenal pasti secara eksplisit menerusi kata kerja, atau (ii) bagi klausa eliptikal yang digugurkan kata kerjanya, proses berkenaan dapat dipulihkan secara jelas daripada konteks wacana risalah. Unsur teks

yang berbentuk label, tajuk kecil, dan butiran senarai yang tidak membentuk struktur tema dan rema yang lengkap dikecualikan daripada analisis. Hasil daripada penyaringan tersebut, sejumlah 18 klausa dipilih sebagai data kajian, iaitu 13 klausa yang mengandungi proses lakuan (PL1 hingga PL13) dan lima klausa yang mengandungi proses perihal (PP1 hingga PP5). Pada peringkat keempat, setiap klausa terpilih dianalisis dengan memisahkan unsur tema, iaitu titik permulaan mesej, daripada unsur rema, iaitu maklumat yang dikembangkan daripada tema berkenaan, sebelum diklasifikasikan mengikut jenis proses berpandukan Model Halliday (1994). Bagi memastikan kebolehpercayaan analisis, pengekodan setiap klausa disemak secara berulang oleh pengkaji sehingga mencapai ketekalan dapatan.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Dalam kerangka Linguistik Sistemik Fungsional, Tema Ideasional merujuk kepada unsur pertama dalam klausa yang berfungsi merepresentasikan pengalaman di dunia sekeliling serta pengalaman dalaman yang dialami oleh manusia. Tema ini menjadi asas kepada pembinaan makna ideasional kerana ia menentukan aspek pengalaman yang dipilih sebagai titik permulaan makna dalam sesuatu klausa. Oleh itu, pemilihan Tema Ideasional bukan bersifat neutral, sebaliknya mencerminkan sudut pandang dan keutamaan makna yang ingin ditonjolkan dalam teks. Penerapan Tema Ideasional dalam risalah *Program dan Bantuan Pendidikan Yayasan Sarawak* membolehkan pengkaji meneliti cara pengalaman pendidikan dibingkai melalui pilihan struktur klausa sebelum analisis diperincikan kepada Proses Lakuan, Proses Perihal dan jenis proses ideasional yang lain.

Proses Lakuan (Material) ditakrifkan sebagai proses yang melibatkan kegiatan fizikal atau tindakan nyata yang dilakukan oleh pelaku sama ada manusia atau bukan manusia. Hal ini untuk menggambarkan pengalaman dunia sebenar. Menurut Halliday (1985, 1994: 109), proses ini memperlihatkan penglibatan pelaku dalam sesuatu tindakan sama ada disertai sasaran tertentu atau tidak. Proses Lakuan juga boleh hadir dalam bentuk ayat aktif atau ayat pasif. Dalam konteks risalah *Program dan Bantuan Pendidikan Yayasan Sarawak*, proses ini dikesan melalui pelbagai ayat yang menunjukkan tindakan institusi seperti memberi, menawarkan, menyediakan dan melaksanakan. Hasil analisis tersebut ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 1: Analisis Proses Lakuan dalam risalah "Program dan Bantuan Pendidikan Yayasan Sarawak" berdasarkan Model Halliday.

Kod	**Ayat daripada Risalah**	**Tema**	**Rema (Proses Lakuan)**	**Huraian**
PL1	Keutamaan diberikan kepada kursus-kursus STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik) & kursus-kursus terpilih sahaja.	Keutamaan	diberikan kepada kursus STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik) & kursus-kursus terpilih sahaja.	Rema mengandungi kata kerja pasif "diberikan" yang menandakan tindakan institusi menawarkan peluang secara selektif. Ini membuktikan wujud aktiviti material yang melibatkan pelaku tidak dinyatakan (Yayasan) dan penerima (kursus tertentu).
PL2	UNIMAS akan menghantar senarai nama pelajar yang layak & menepati syarat serta kriteria yang telah ditetapkan ke Yayasan Sarawak untuk senarai tapis	UNIMAS	akan menghantar senarai nama pelajar yang layak & menepati syarat serta kriteria yang telah ditetapkan ke Yayasan Sarawak untuk senarai tapis & sesi temuduga.	Rema mengandungi kata kerja aktif "menghantar" yang menunjukkan tindakan fizikal institusi (UNIMAS) sebagai pelaku utama. Perbuatan ini bersifat material kerana melibatkan pemindahan dokumen rasmi secara nyata antara dua institusi.
PL3	Kelulusan permohonan adalah berdasarkan penilaian keperluan yang terhad dan syarat-syarat yang telah ditetapkan di bawah skim ini.	Kelulusan permohonan	adalah berdasarkan penilaian keperluan yang terhad dan syarat-syarat yang telah ditetapkan di bawah skim ini.	Walaupun berbentuk pernyataan, Rema menggambarkan hasil tindakan penilaian yang dilakukan oleh institusi. Aktiviti membuat keputusan menjadikan klausa ini termasuk dalam proses material kerana melibatkan tindakan prosedural pentadbiran.

PL4	Subsidi penerbangan dari Semenanjung Malaysia, Sabah atau Labuan pulang ke Sarawak.	Subsidi penerbangan	dari Semenanjung Malaysia, Sabah atau Labuan pulang ke Sarawak.	Klausa ini bersifat eliptikal kerana kata kerjanya digugurkan. Namun, Tema "subsidi penerbangan" merupakan nominalisasi daripada tindakan menyediakan subsidi, dan proses "disediakan" dapat dipulihkan secara anaforik daripada konteks senarai kemudahan bantuan dalam risalah (Halliday & Matthiessen, 2014). Oleh itu, makna klausa ini tetap bersifat material kerana menandakan aktiviti pemberian bantuan fizikal kepada pelajar.
PL5	Maksimum dua (2) permohonan dilulus dalam satu tahun.	Maksimum dua (2) permohonan	dilulus dalam satu tahun.	Kata kerja pasif "dilulus" ialah penanda proses lakuan kerana melibatkan tindakan rasmi oleh institusi terhadap permohonan. Rema menegaskan perbuatan meluluskan sebagai aktiviti pentadbiran sebenar.

PL6	Tuntutan maksimum RM300 untuk setiap permohonan atau perjalanan.	Tuntutan maksimum RM300	untuk setiap permohonan atau perjalanan	Klausa ini turut bersifat eliptikal kerana kata kerjanya digugurkan. Tema "tuntutan maksimum RM300" merupakan nominalisasi daripada kata kerja "menuntut", dan proses "dibuat" atau "dibenarkan" dapat dipulihkan daripada konteks prosedur tuntutan dalam risalah. Makna proses lakuan tetap terpelihara kerana klausa ini merujuk kepada tindakan menuntut bayaran yang dilaksanakan oleh pemohon.
PL7	Pinjaman berjumlah RM20,000 dan ke bawah memerlukan satu penjamin.	Pinjaman berjumlah RM20,000 dan ke bawah	memerlukan satu penjamin	Rema mengandungi kata kerja "memerlukan", yang menandakan tindakan pelaksanaan syarat pinjaman. Ini proses material kerana melibatkan pelaku institusi yang mengenakan keperluan.
PL8	Pinjaman RM200,000 ke atas perlu menyertakan dua (2) penjamin serta cagaran hartanah.	Pinjaman RM200,000 ke atas	perlu menyertakan dua (2) penjamin serta cagaran hartanah.	Rema menunjukkan tindakan (menyertakan dokumen cagaran).

PL9	Keutamaan diberikan kepada kursus yang tidak ditawarkan dalam negara.	Keutamaan	kepada kursus yang tidak ditawarkan dalam negara.	Rema mengandungi kata kerja pasif "diberikan", membuktikan proses tindakan memilih dan menilai bidang oleh institusi.
PL10	Bayaran balik 50% diberikan sekiranya pelajar berjaya menamatkan pengajian dan bergraduasi.	Bayaran balik 50%	diberikan sekiranya pelajar berjaya menamatkan pengajian.	Rema menunjukkan tindakan memberi ganjaran yang berbentuk fizikal (pengurangan bayaran). Ini jelas proses material kerana melibatkan pelaku dan penerima.
PL11	Cadangan nama daripada sekolah dihantar ke Jawatankuasa *Focus Group* Pejabat Daerah untuk tapisan data e-Kasih.	Cadangan nama daripada sekolah	dihantar ke Jawatankuasa *Focus Group* Pejabat Daerah untuk tapisan data e-Kasih.	Rema mengandungi kata kerja pasif "dihantar", menandakan proses penghantaran dokumen rasmi. Ia merupakan aktiviti fizikal pentadbiran sebenar.

PL12	Permohonan secara dalam talian melalui portal myYayasan.	Permohonan	secara dalam talian melalui portal myYayasan.	Walaupun kata kerja digugurkan, Tema "permohonan" merupakan nominalisasi daripada kata kerja "memohon", dan proses "dibuat" atau "dikemukakan" dapat dipulihkan daripada konteks arahan permohonan dalam risalah. Struktur ini tetap dikira sebagai proses lakuan kerana merujuk kepada aktiviti memohon secara dalam talian yang perlu dilaksanakan oleh pelajar.
PL13	Rebat 25%, 50% dan 75% diberikan berdasarkan prestasi akademik.	Rebat 25%, 50% dan 75%	diberikan berdasarkan prestasi akademik.	Rema mengandungi kata kerja pasif "diberikan" yang menggambarkan tindakan pemberian insentif. Ini ialah proses lakuan kerana berlaku aktiviti nyata daripada institusi kepada pelajar.

Nota. PL4, PL6 dan PL12 merupakan klausa eliptikal yang digugurkan kata kerjanya. Proses lakuan bagi klausa berkenaan dapat dipulihkan daripada konteks wacana risalah, sebagaimana yang dihuraikan dalam bahagian perbincangan.

Berdasarkan Jadual 1, analisis terhadap ayat PL1 hingga PL13 menunjukkan bahawa Proses Lakuan (Material) ialah jenis proses paling dominan dalam risalah Yayasan Sarawak. Dominasi ini menandakan bahawa wacana bantuan pendidikan dibina melalui tindakan-tindakan fizikal dan pentadbiran yang menggambarkan peranan aktif institusi dalam mengurus, mengawal dan menilai pelajar. Bukti linguistik utama bagi proses ini ialah kehadiran kata kerja tindakan (verba material) seperti diberikan,

dihantar, dilulus, memerlukan, menyertakan dan menyediakan yang menunjukkan aktiviti nyata dilakukan oleh pelaku institusi terhadap objek atau penerima.

Dalam kebanyakan klausa, Tema terdiri daripada unsur nominal yang abstrak seperti Keutamaan, Kelulusan, Bayaran Balik, Pinjaman dan Permohonan manakala Rema mengandungi tindakan yang mewakili kuasa institusi. Pemilihan Tema berbentuk entiti tidak bernyawa ini menjadikan teks kelihatan impersonal dan mengalihkan tumpuan daripada pelaku manusia kepada tindakan institusi. Sebagai contoh, dalam PL1, ayat "Keutamaan diberikan kepada kursus-kursus STEM dan kursus terpilih sahaja" memperlihatkan struktur pasif yang meletakkan tindakan "diberikan" sebagai pusat makna. Walaupun pelaku sebenar (Yayasan Sarawak) tidak dinyatakan, kesan tindakannya tetap jelas melalui bentuk pasif tersebut. Hal ini menunjukkan cara struktur tatabahasa digunakan untuk memperlihatkan tindakan institusi tanpa menonjolkan agennya, iaitu satu strategi linguistik yang sering digunakan dalam teks rasmi bagi mengekalkan imej objektif dan autoritatif.

Dalam PL2, kata kerja aktif "menghantar" menandakan tindakan konkrit yang berlaku antara dua entiti organisasi, iaitu UNIMAS dengan Yayasan Sarawak. Hal ini menggambarkan hubungan birokrasi yang jelas kerana institusi berinteraksi melalui tindakan pentadbiran. Begitu juga dengan PL11, kata kerja pasif "dihantar" menonjolkan pergerakan maklumat rasmi dan menjadi bukti bahawa ayat tersebut tergolong dalam proses lakuan kerana melibatkan tindakan nyata pemindahan data. Dalam PL5, penggunaan "dilulus" pula menunjukkan aktiviti membuat keputusan yang dijalankan secara formal. Semua kata kerja ini membuktikan bahawa Rema dalam klausa berperanan sebagai penanda tindakan fizikal dan keputusan institusi, bukan sekadar penerangan maklumat.

Selain menggambarkan tindakan, Proses Lakuan juga berfungsi untuk menonjolkan kuasa kawalan dan pentadbiran. Contohnya dalam PL7 dan PL10, kata kerja "memerlukan" dan "diberikan" menunjukkan dua bentuk tindakan yang bertentangan, iaitu satu bersifat penguatkuasaan (syarat pinjaman) dan satu lagi pemberian ganjaran bersyarat (bayaran balik 50%). Kedua-dua proses ini memperlihatkan sistem kawalan yang tersusun dengan pelajar menjadi penerima tindakan, bukan pelaku. Dalam konteks wacana, hal ini menggambarkan hubungan kuasa satu hala yang memperlihatkan Yayasan Sarawak sebagai entiti penentu, manakala pelajar sekadar menjadi objek yang tertakluk pada keputusan institusi.

Perhatian khusus perlu diberikan kepada tiga klausa eliptikal, iaitu PL4, PL6 dan PL12, yang digugurkan kata kerjanya tetapi tetap dikira mempunyai makna Proses Lakuan. Keputusan analisis ini berasaskan dua justifikasi linguistik. Pertama, pengguguran unsur dalam binaan ayat merupakan kelaziman dalam bahasa Melayu dan unsur yang digugurkan itu dapat dipulihkan daripada konteks ayat atau wacana (Nik Safiah Karim et al., 2015). Dalam kerangka Linguistik Sistemik Fungsional pula, klausa eliptikal

berbeza daripada klausa minor kerana unsur yang tergugur dalam klausa eliptikal dapat dipulihkan secara anaforik atau eksoforik daripada ko-teks dan konteks situasi (Halliday & Matthiessen, 2014). Dalam PL4 misalnya, proses *disediakan* dapat dipulihkan daripada konteks senarai kemudahan bantuan dalam risalah, manakala dalam PL6 dan PL12, proses *dibuat* dapat dipulihkan daripada konteks prosedur tuntutan dan arahan permohonan. Kedua, tema dalam ketiga-tiga klausa berkenaan, iaitu *subsidi*, *tuntutan* dan *permohonan*, merupakan bentuk nominalisasi yang berfungsi sebagai metafora tatabahasa (*grammatical metaphor*), iaitu tindakan material yang direalisasikan dalam bentuk nominal (Halliday, 1994; Halliday & Matthiessen, 2014). Nominalisasi ini mengekalkan makna ideasional proses lakuan asalnya, iaitu *mensubsidi*, *menuntut* dan *memohon*, walaupun kata kerja tidak hadir secara eksplisit dalam struktur permukaan klausa. Oleh itu, ketiga-tiga klausa ini memenuhi kriteria Proses Lakuan pada peringkat makna ideasional, dan pengguguran kata kerja berkenaan sebenarnya memperkukuh ciri impersonal wacana birokrasi yang menonjolkan prosedur berbanding pelaku.

Kesimpulannya, *Proses Lakuan (Material)* dalam risalah Yayasan Sarawak berfungsi bukan sahaja untuk menyampaikan maklumat tentang pelaksanaan bantuan, tetapi juga untuk menzahirkan cara bahasa digunakan bagi menggambarkan pengalaman dunia nyata melalui tindakan institusi. Struktur Tema dan Rema yang dibina menjadikan tindakan pentadbiran sebagai pusat makna dan pada masa yang sama mengaburkan peranan pelaku manusia sebenar, khususnya pelajar. Hal ini sejajar dengan pandangan Halliday (1994) bahawa bahasa berfungsi sebagai sistem pilihan makna (*system of meaning choices*) yang mewakili pengalaman manusia dalam bentuk proses ideasional. Dalam konteks ini, pemilihan proses lakuan dan struktur pasif mencerminkan cara penulis risalah mengkonseptualisasikan realiti sosial sebagai siri tindakan institusi yang sah dan berautoriti. Dengan demikian, Proses Lakuan bukan sekadar alat penyampaian maklumat, tetapi juga mekanisme linguistik yang membingkai pengalaman sosial mengikut perspektif institusi.

Proses Perihal bermaksud proses yang melibatkan hubungan, penjelasan atau pengenalpastian sesuatu entiti, serta sering mengandungi unsur yang dianggap mempunyai nilai terhadap perkara yang diperihalkan. Dalam bahasa Inggeris, proses ini penting dan biasanya ditandai oleh kata kerja bantu atau verba seperti *is, are, have, be, represent*, manakala dalam bahasa Melayu ia lazimnya muncul melalui perkataan seperti merupakan, ialah, memiliki, mengandungi, dan berakhir (Halliday, 1994:119). Dalam risalah Yayasan Sarawak, proses ini digunakan untuk menjelaskan fungsi, identiti dan sifat sesuatu bantuan atau program.

Jadual 2: Analisis Proses Perihal dalam risalah "Program dan Bantuan Pendidikan Yayasan Sarawak berdasarkan Model Halliday

Kod	**Ayat daripada Risalah**	**Tema**	**Rema (Proses Perihal)**	**Huraian**
PP1	Bantuan murid sekolah daripada keluarga kurang berkemampuan di peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan di Sarawak.	Bantuan murid sekolah	daripada keluarga kurang berkemampuan di peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan di Sarawak.	Rema memperihalkan identiti bantuan sebagai bentuk sokongan kepada kumpulan sosial tertentu. Tiada kata kerja tindakan; maknanya bersifat deskriptif dan relasional.
PP2	Terbuka kepada pelajar untuk kemasukan semester pertama sahaja.	Terbuka kepada pelajar	untuk kemasukan semester pertama sahaja.	Kata adjektif "terbuka" berfungsi sebagai penanda keadaan atau sifat, bukan tindakan. Ia menunjukkan hubungan kelayakan, menjadikannya proses perihal
PP3	Pendapatan perkapita keluarga RM1,500.00 sebulan dan ke bawah.	Pendapatan per kapita keluarga	RM1,500.00 sebulan dan ke bawah.	Ayat ini mengandungi hubungan nilai antara pendapatan dan had kelayakan. Tiada perbuatan berlaku, hanya pengenalan sifat ekonomi.

PP4	Pengajian sepenuh masa di IPT dalam Malaysia yang berdaftar di bawah kementerian.	Pengajian sepenuh masa	di IPT dalam Malaysia yang berdaftar di bawah kementerian.	Rema menyatakan status pengajian sebagai kriteria, bukan aktiviti. Ini menunjukkan proses relasional yang menghubungkan pelajar dan institusi.
PP5	Pelajar sepenuh masa peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.	Pelajar sepenuh masa	peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda	Ayat ini membentuk hubungan identiti antara pelajar dan tahap pengajian, membuktikan sifat perihal yang menetapkan kategori penerima.

Berdasarkan Jadual 2, Proses Perihal dalam risalah Yayasan Sarawak berfungsi untuk menetapkan kategori, sifat dan hubungan identiti antara bantuan, penerima dan institusi. Tidak seperti Proses Lakuan yang menekankan tindakan fizikal dan pentadbiran, Proses Perihal menumpukan pada penjelasan dan klasifikasi maklumat, iaitu memerihalkan sifat serta identiti sesuatu entiti, bukan tindakan yang dilakukan oleh entiti berkenaan. Bukti linguistik bagi proses ini dapat dilihat melalui ketiadaan kata kerja material dalam struktur Rema, sebaliknya digantikan dengan bentuk nominal dan adjektif seperti *terbuka*, *sepenuh masa*, dan *pendapatan per kapita*. Unsur-unsur ini menggambarkan keadaan tetap dan hubungan deskriptif yang menghubungkan entiti seperti bantuan, pelajar dan institusi pendidikan.

Dalam PP1, Rema memperihalkan identiti bantuan sebagai bantuan murid sekolah daripada keluarga kurang berkemampuan. Tiada tindakan yang berlaku, sebaliknya ayat ini menjelaskan hubungan langsung antara bantuan dengan golongan sasar. Hal ini membuktikan bahawa Rema berperanan menerangkan bentuk bantuan tersebut dan golongan penerimanya, bukan menggambarkan sebarang aktiviti material. Seterusnya, PP2 menggunakan adjektif "terbuka" bagi menunjukkan sifat kelayakan bantuan. Adjektif ini menandakan bahawa bantuan tersebut tersedia tetapi dalam konteks yang terhad, iaitu "untuk kemasukan semester pertama sahaja". Bentuk adjektif ini berfungsi sebagai penghubung yang menunjukkan keadaan, bukan tindakan. Begitu juga dalam PP3, struktur "Pendapatan per kapita keluarga RM1,500.00 sebulan dan ke bawah" memperihalkan had sosioekonomi yang ditetapkan sebagai

kriteria kelayakan. Tiada aktiviti dilakukan oleh pelaku, sebaliknya Rema menegaskan nilai tetap yang berfungsi sebagai sempadan institusi terhadap golongan penerima.

Dalam PP4, Rema "di IPT dalam Malaysia yang berdaftar di bawah kementerian" menunjukkan status rasmi pengajian, bukan tindakan pelajar atau institusi. Frasa ini menetapkan syarat kelayakan yang bersifat tetap pengajian hanya diiktiraf jika berada di bawah pengawasan kementerian. Manakala PP5, dengan Rema "peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda", menggambarkan hubungan identiti antara pelajar dan tahap pengajian. Ayat ini tidak membawa tindakan tetapi memperkenalkan klasifikasi penerima bantuan berdasarkan hierarki akademik yang diiktiraf oleh institusi. Secara keseluruhannya, semua ayat di bawah Proses Perihal memperlihatkan fungsi klasifikasi dan penetapan identiti. Rema dalam setiap klausa tidak menggambarkan perbuatan atau pergerakan, sebaliknya menghubungkan dua unsur semantik iaitu entiti (pelajar, bantuan, pengajian) dengan ciri atau nilai tetapnya (keluarga miskin, sepenuh masa, tahap pengajian). Hubungan ini menegaskan bahawa bahasa dalam risalah digunakan untuk menstrukturkan realiti sosial secara objektif, seolah-olah kategori dan kriteria tersebut adalah fakta mutlak yang tidak boleh dipersoalkan.

Analisis tema dan rema dalam risalah *Program dan Bantuan Pendidikan Yayasan Sarawak* secara keseluruhannya menunjukkan pembinaan wacana bantuan pendidikan yang kelihatan menyokong tetapi dikawal secara institusi. Proses Lakuan berfungsi menzahirkan tindakan pentadbiran melalui penggunaan kata kerja seperti *diberikan*, *dilulus*, *dihantar*, *memerlukan* dan *menyediakan*, manakala Proses Perihal pula menjelaskan identiti, status dan kategori penerima bantuan melalui bentuk adjektif dan nominal seperti *terbuka*, *sepenuh masa* dan *pendapatan per kapita*. Struktur Tema dan Rema yang menempatkan unsur abstrak seperti Keutamaan, Kelulusan dan Bayaran Balik sebagai Tema memperlihatkan strategi linguistik yang menonjolkan tindakan institusi serta mengaburkan peranan pelaku manusia, khususnya pelajar, sebagai subjek utama. Hal ini selari dengan pandangan Halliday (1994) bahawa penggunaan bentuk tatabahasa pasif berfungsi mengalihkan fokus daripada pelaku kepada hasil tindakan.

Dari sudut wacana, kedua-dua proses ini membentuk sistem makna yang memusatkan kuasa pentadbiran dan menyingkirkan unsur kemanusiaan. Proses Lakuan menunjukkan institusi sebagai pelaku aktif yang menentukan, melulus dan mengawal, manakala pelajar digambarkan sebagai penerima tindakan atau objek pentadbiran. Proses Perihal pula menormalkan kuasa tersebut dengan menetapkan identiti dan sempadan kelayakan secara "objektif", menjadikan syarat bantuan kelihatan seperti peraturan semula jadi yang tidak boleh dipersoalkan. Ciri ini sejalan dengan pemerhatian Fairclough (2003) bahawa wacana institusi menggunakan struktur bahasa yang kelihatan neutral untuk mewajarkan hierarki sosial. Kajian terdahulu oleh Abdul Jobar, Sarudin dan Radzi (2014) serta Mat Lazim dan Hassan (2019) turut menyokong

dapatan ini, iaitu pemilihan Tema dan jenis proses dalam teks rasmi bukan bersifat neutral, sebaliknya berfungsi menegaskan disiplin, kawalan dan ideologi institusi.

Analisis turut mendapati ketiadaan Proses Maujud (Existential), Proses Tingkah Laku (Behavioural), dan Proses Verbal (Verbal) dalam keseluruhan risalah. Ketiadaan ini membuktikan bahawa wacana Yayasan Sarawak bersifat teknokratik dan berorientasikan sistem, menekankan tindakan prosedural dan struktur maklumat tanpa melibatkan pengalaman subjektif, interaksi sosial atau ekspresi emosi manusia. Seperti yang dinyatakan oleh Halliday (1994), pelbagai jenis proses lazimnya mencerminkan pelbagai dimensi pengalaman manusia; namun dalam teks ini, hanya pengalaman pentadbiran diberi ruang. Oleh itu, risalah Yayasan Sarawak bukan sekadar teks informatif, tetapi alat ideologi yang menginstitusikan kuasa, mengawal makna serta menormalisasi kebergantungan pelajar terhadap struktur birokrasi pendidikan. Melalui pilihan struktur tatabahasa dan jenis proses, bahasa risalah ini secara halus membentuk persepsi bahawa autoriti institusi adalah sah, rasional dan tidak wajar dipersoalkan.

Berdasarkan dapatan tekstual tersebut, beberapa implikasi dapat dikemukakan dalam lingkungan skop analisis teks. Pada peringkat teks, struktur tema dan rema dalam risalah ini menyusun maklumat prosedur, kelayakan dan mekanisme sokongan pendidikan secara jelas dan teratur, sekali gus berpotensi memudahkan capaian maklumat dalam kalangan khalayak sasaran. Pada masa yang sama, penonjolan tindakan institusi menerusi tema nominal abstrak dan binaan pasif membentuk imej institusi yang berautoriti dan berkredibiliti dalam teks. Walau bagaimanapun, sebarang tafsiran tentang kesan sebenar risalah ini terhadap persepsi, psikologi mahupun tingkah laku masyarakat berada di luar skop kajian ini kerana analisis yang dijalankan hanya bersifat tekstual terhadap satu dokumen tanpa melibatkan instrumen soal selidik atau temu bual dengan khalayak pembaca. Oleh itu, kajian lanjutan yang menggabungkan analisis teks dengan kajian penerimaan khalayak (*audience reception study*) menerusi soal selidik atau temu bual wajar dijalankan bagi mengesahkan tahap keberkesanan komunikatif dan kesan sosial risalah ini secara empirikal.

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, kajian ini yang menganalisis struktur wacana risalah "Program dan Bantuan Pendidikan Yayasan Sarawak" berdasarkan kerangka analisis struktur teks Halliday (1994) menunjukkan bahawa penggunaan unsur linguistik, khususnya Tema dan Rema, berperanan penting sebagai strategi wacana dalam membentuk pemahaman dan pemikiran khalayak, serta mengekalkan pengaruh institusi. Hasil kajian mendapati bahawa penekanan terhadap "Tema Institusi" dan "Tema Bantuan" yang digandingkan dengan Rema yang bersifat objektif bukan sahaja bertujuan menyampaikan maklumat berkaitan prosedur, malah berfungsi untuk memperkukuh autoriti Yayasan Sarawak serta berpotensi membina kepercayaan masyarakat terhadap

institusi berkenaan. Oleh itu, kesepaduan antara struktur teks dengan konteks sosial ini membuktikan bahawa risalah tersebut bukan sekadar bahan maklumat, tetapi berperanan sebagai dokumen penting yang menyokong agenda pendidikan negeri serta membantu mengekalkan hubungan kuasa yang stabil antara pihak pemerintah dengan masyarakat. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini perlu ditafsirkan dalam lingkungan batasannya, iaitu analisis hanya dijalankan terhadap satu dokumen risalah tanpa melibatkan data penerimaan khalayak. Kajian lanjutan dicadangkan agar menggabungkan analisis teks dengan instrumen soal selidik atau temu bual bagi meneliti kesan sebenar wacana risalah terhadap persepsi dan tindakan masyarakat, di samping memperluas korpus kepada teks rasmi institusi pendidikan yang lain bagi tujuan perbandingan.

PENGHARGAAN
Penghargaan diberikan kepada pihak IPG Kampus Ipoh kerana sentiasa memberikan sokongan dalam penulisan kajian ini.

SUMBANGAN PENULIS
Anida Sarudin memberikan sumbangan utama dalam keseluruhan penulisan. Mohd Sufian Ismail memberikan sumbangan dari aspek format dan penghantaran akhir.

KONFLIK KEPENTINGAN
Para penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan.

PERNYATAAN ETIKA
Kajian ini tidak melibatkan peserta manusia, haiwan atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Para penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini dijalankan menurut piawaian integriti akademik dan etika penerbitan yang diterima pakai.

RUJUKAN

Abdul Jobar, N., Sarudin, A., & Radzi, I. M. (2014). Pola tematik dan implikasinya dalam pengajaran penulisan karangan. *Pendeta: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu*, 5, 71–88.

Abdul Jobar, N., & Sarudin, A. (2016). Tema dan rema dalam pembinaan teks karangan pelajar*Jurnal Bahasa*, 16(1), 25–48.

Eggins, S. (2004). *An introduction to systemic functional linguistics* (2nd ed.). London: Continuum.

Fairclough, N. (2003). *Analysing discourse: Textual analysis for social research*. London: Routledge.

Halliday, M. A. K. (1978). *Language as social semiotic: The social interpretation of language and meaning*. London: Edward Arnold.

Halliday, M. A. K. (1994). *An introduction to functional grammar* (2nd ed.). London: Edward Arnold.

Halliday, M. A. K., & Hasan, R. (1985). *Language, context, and text: Aspects of language in a social-semiotic perspective* (2nd ed.). Victoria: Deakin University Press.

Halliday, M. A. K., & Matthiessen, C. M. I. M. (2014). *Halliday's introduction to functional grammar* (4th ed.). London: Routledge.

Ismail, M. S., & Sarudin, A. (2023). Sorotan literatur bersistematik: Interpretasi partikel wacana "lah" dalam ujaran masyarakat Malaysia. *GEMA Online Journal of Language Studies*, *23*(1), 261–290. https://doi.org/10.17576/gema-2023-2301-14

Ismail, M. S., Sarudin, A., & Mohamad Tarmizi, M. H. (2024). Prosedur analisis ATLAS.ti bersistematik: Pembinaan kata kunci utama soalan karangan Bahasa Melayu SPM. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, *32*(1), 37–68. https://doi.org/10.47836/pjssh.32.1.03

Ismail, M. S., Sarudin, A., Mohamad Tarmizi, M. H., Hj Omar, R., Ismail, K., Ariffin, N. A., Mat Isa, N. A., Abu Samah, A. J., & Muhamad Sahlan, N. A. I. (2025). ABCDE dalam objektif pembelajaran Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Bahasa Melayu. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, *15*(1), 20–29. https://doi.org/10.37134/jrpptte.vol15.1.3.2025

Mat Lazim, N. H., & Hassan, A. A. (2019). Thematic structure in scientific texts. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 285–306. https://doi.org/10.37052/jb.19(2)no5

Muhammad Faizul Abd Hamid & Muhammad Zaid Daud. (2025). Trend penggunaan data dalam bidang Analisis Wacana Kritis di Malaysia. *Jurnal Linguistik*, *29*(1), 157-170. https://plm.org.my/wp-content/uploads/2025/05/11.-Trend-Penggunaan-Data-dalam-Bidang-Analisis-Wacana-Kritis-di-Malaysia.pdf

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan* (Edisi ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.